

25 Mei, 1981

Jerantut calonkan Hj. Rahim untuk kerusi MT

JERANTUT, Ahad — UMNO Bahagian Jerantut mengemukakan Menteri Besar Pahang Haji Rahim Bakar sebagai salah seorang calon ahli Majlis Tertinggi dalam mesyuarat perwakilannya di sini semalam.

Dalam pengundian yang dijalankan, Haji Rahim mendapat sokongan 194 dari 259 perwakilan yang hadir.

Sementara itu UMNO Bahagian itu meluluskan usul tergempar menyatakan rasa sedih atas keputusan Datuk Hussein tidak bertanding jawatan Presiden UMNO.

Usul tersebut yang diterima sedulat suara merakamkan setinggi tahniah dan penghargaan atas pimpinan Datuk Hussein.

UMNO Bahagian itu mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden parti dalam perhimpunan agung UMNO Jun depan.

Bagi jawatan Timbalan Presiden Umno Bahagian Jerantut mengambil sikap berkecuali.

Tiga calon Naib-Presiden ialah Tan Sri Ghazali Shafiq, Encik Ghafar Baba dan Tengku Ahmad Rithauddeen.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia